Abd Hilmi bin Yaakub lwn Pendakwa Raya

MAHKAMAH TINGGI (KUANTAN) – RAYUAN JENAYAH NO 42–6 TAHUN 2001
MOHAMED APANDI ALI H
8 FEBRUARI 2005

Undang-Undang Keterangan — Beban bukti — Kes rasuah — Kes sebelum pindaan Kanun Acara Jenayah Akta Pindaan A979 — Sama ada beban bukti keraguan munasabah terbukti — Akta Pencegah Rasuah 1961 ss 3(a)(ii) & 4(a)

Undang-Undang Keterangan — Beban bukti — Kes rasuah — Pematahan anggapan — Sama ada beban bukti atas imbangan kebarangkalian terbukti — Sama ada kesilapan atau kegagalan untuk menyebut tahap pembuktian boleh diubati oleh s 422 Kanun Acara Jenayah — Akta Pencegah Rasuah 1961 s 14

Undang-Undang Keterangan — Soal-balas — Kegagalan peguam pembela menyoal-balas saksi pendakwaan — Sama ada mewujudkan perbicaraan tidak adil sehingga menyebabkan kegagalan keadilan — Kesan atas kebolehpercayaan keterangan saksi

Undang-Undang Jenayah — Rasuah – Penalti di bawah s 13 — Sama ada mandatori — Akta Pencegah Rasuah 1961 ss 3(a)(ii), 4(a) & 13

Perayu telah dituduh, disabitkan dan dihukum kerana meminta dan menerima suapan pada 31 Januari 1996 dan 6 Februari 1996 dalam satu kes perangkap di bawah s 3(a)(ii) dan s 4(a) Akta Pencegah Rasuah 1961 ('Akta tersebut'). Perayu merayu atas sabitan dan hukuman sementara Pendakwa Raya merayu silang terhadap hukuman, iaitu di atas kegagalan hakim bicara untuk mengenakan penalti di bawah s 13 Akta tersebut.

Peguambela perayu berhujah, antara lain: (1) bahawa hakim bicara telah silap mengenai beban bukti kerana telah mencampur-aduk dua beban bukti, iaitu beban *prima facie* dan beban melampaui keraguan munasabah; dan (2) perbicaraan yang tidak adil kerana peguambela tidak diberi peluang untuk soal-balas.

Diputuskan, menolak rayuan terhadap sabitan, mengekalkan hukuman dan menambah penalti RM500 terhadap perayu:

(1) Pertuduhan-pertuduhan yang dihadapi oleh perayu berlaku pada 31Januari 1996 dan 6 Februari 1996. Dengan melihat kepada tarikh-tarikh kesalahan, adalah jelas bahawa beban bukti yang selaras dan terpakai ialah beban sebelum pindaan Akta Kanun Acara Jenayah (Pindaan) 1997 (Akta A979) kepada s 173(f) Kanun Acara Jenayah. Justeru itu beban bukti yang relevan dan terpakai ialah beban bukti keraguan munasabah (beyond reasonable doubt) iaitu beban bukti yang berlandaskan kepada kes *Arulpragasan a/l Sandaraju v PP* [1997] 1 MLJ 1

(lihat perenggan 14). Daripada catatan nota prosiding perbicaraan adalah dinyatakan bahawa beban bukti yang relevan dan yang digunapakai dalam kes ini adalah beban melampaui keraguan munasabah. Apa yang terpahat dalam minda hakim bicara mengenai beban bukti telah dicerminkan melalui keputusan-keputusan bertulis yang dibacakan pada tarikh-tarikh keputusan tersebut diberi (lihat perenggan 21). Dengan itu mahkamah ini berpuas hati bahawa beban bukti yang digunapakai adalah suatu beban bukti yang betul di masa itu (lihat perenggan 22).

(2) Beban bukti yang betul yang sepatutnya digunapakai bagi tujuan mematah anggapan di bawah s 14 Akta tersebut adalah 'di atas keimbangan kebarangkalian' (on a balance of probabilities) seperti yang diputuskan dalam *PP v Yuvaraj* [1969] 2 MLJ 89 (lihat perenggan 25). Oleh kerana beban bukti seperti yang dikehendaki oleh undang-undang tidak disebut oleh hakim bicara, manfaat di atas kegagalan tersebut perlulah diberi kepada pihak perayu. Dengan itu adalah didapati hakim bicara telah tersalah arah sewaktu menimbang keterangan untuk mematahkan anggapan di bawah s 14 Akta tersebut (lihat perenggan 26). Namun kesilapan atau kegagalan untuk menyebut tahap pembuktian ini boleh diubati oleh s422 Kanun Acara Jenayah (lihat perenggan 37 dan 39); *PP v Ishak bin Hj Shaari & other appeals* [2003] 4 MLJ 585 diikut.

(3) Tidak semestinya kegagalan untuk menyoal-balas saksi pendakwa telah mewujudkan suatu perbicaraan yang tidak adil sehingga menyebabkan kegagalan keadilan. Kegagalan peguambela untuk menyoal saksi pendakwaan adalah suatu pilihan (on election) yang dibuat oleh peguambela. Tambahan pula adalah nyata apabila seseorang saksi itu tidak disoalbalas, maka keterangannya perlu diterima. Apabila pembelaan gagal untuk menyoal-balas saksi-saksi Pendakwaan, ini hanya melibatkan kebolehpercayaan keterangan mereka sahaja (lihat perenggan 31); *Abang Abdul Rahman v Public Prosecutor* [1982] 1 MLJ 346 dan *Wong Swee Chin v Public Prosecuto*r [1981] MLJ 212 diikut.

(4) Daripada ayat '... the court shall, in addition to imposing on that person any other punishment order him to pay as a penalty...' dalam s 13 Akta tersebut, sudah tentunya perlu disifatkan hukuman penalti adalah satu hukuman tambahan yang mandatori (lihat perenggan 43).

[**English summary**

The appellant had been charged, convicted and sentenced for soliciting and receiving gratification on 31 Januari 1996 and 6 Februari 1996 in a 'trap case' under s 3(a)(ii) and s 4(a) of the Anti Corruption Act 1961 ('the Act'). The appellant appealed on the conviction and the sentence whereas the prosecutor cross-appealed against the sentence, ie failure of the trial judge to impose the penalty under s 13 of the Act.

The counsel for the appellant argued that, inter alia: (1) that the trial judge erred in applying the standard of proof as both standards were mixed up, ie the *prima facie* proof and beyond reasonable doubt; and (2) unfair trial as the counsel were not given the opportunity to cross-examine.

Held, dismissing the appeal against the conviction, maintaining the sentence and adding RM500 penalty to the appellant:

(1) Charges faced by the appellant were committed on 31 January 1996 and 6 February 1996. Looking at the dates of the commission of the offence, it was obvious that the standard of proof applicable was the standard prior to the Criminal Procedural Code (Amendment) Act 1997 (Act A979) to s 173(f) of the Criminal Procedure Code. Therefore the relevant standard of proof was beyond reasonable doubt which was the standard of proof based on the case of *Arulpragasan a/l Sandaraju v PP* [1997] 1 MLJ 1 (see para 14). From the notes of proceeding, it was submitted that the relevant and applicable standard was beyond reasonable doubt. What was in the mind of the judge regarding the standard of proof was reflected in the written judgments which was read out on the dates on which the decison was given (see para 21). Therefore the court was satisfied that the standard of proof applied then was the correct standard (see para 22).

(2) The correct standard of proof which should be used to rebut the presumption under s 14 of the Act is 'on the balance of probabilities' as decided in *PP v Yuvaraj* [1969] 2 MLJ 89 (see para 25). Since the standard of proof which is required by the law was not mentioned by the trial judge, benefit of such failure should be given to the appellant. Therefore it was found that the trial judge had misdirected himself in considering the evidence to challenge the presumption under s 14 of the Act (see para 26). However, the mistake or failure to state the standard of proof is cureable under s 422 of the Criminal Procedure Code (see para 37 and 39); *PP v Ishak bin Hj Shaari & other appeals* [2003] 4 MLJ 585 followed.

(3) Failure to cross-examine the prosecutor's witnesses does not necessarily create an unfair trial that amounted to failure of justice. The failure of the defence counsel to examine the prosecutor's witness was an election by the counsel. Furthermore, it is obvious that when a witness is not cross-examined, his evidence should be admitted. When the defence counsel failed to cross-examine the prosecutor's witnesses, this would only affect their credibilities (see para 31); *Abang Abdul Rahman v Public Prosecutor* [1982] 1 MLJ 346 and *Wong Swee Chin v Public Prosecuto*r [1981] MLJ 212 followed.

(4) From the sentence '... the court shall, in addition to imposing on that person any other punishment order him to pay as a penalty...' in s 13 of

A the Act, it should therefore be considered as a mandatory additional penalty (see para 43).]

Nota

B Untuk kes mengenai rasuah, lihat *7 Mallal's* Digest (4th Ed, 2001 Reissue) perenggan 341–344.
Untuk kes mengenai kegagalan peguam pembela untuk menyoal-balas saksi pendakwaan, lihat *7 Mallal's Digest* (4th Ed, 2001 Reissue) perenggan 971.
Untuk kes mengenai penalti di bawah s 13, lihat 4 *Mallal's Digest* (4th Ed, 2003 Reissue) lihat 2680–2684

C

Kes-kes yang dirujuk

Abang Abdul Rahman v PP [1982] 1 MLJ 346 (diikut)
Arulpragasan a/l Sandaraju v PP [1997] 1 MLJ 1 (dirujuk)
Kiew Foo Mui & Ors v Public Prosecutor [1995] 3 MLJ 505 (dirujuk)
D *Lokman bin Abu v PP* [2001] 1 MLJ 311 (dirujuk)
Lorensus Tukan v PP [1988] 1 MLJ 251 (dirujuk)
PP v Ishak bin Hj Shaari & other appeals [2003] 4 MLJ 585 (diikut)
PP v Ku Yahya Ku Bahari & Anor [2002] 1 CLJ 113 (dirujuk)
PP v Yuvaraj [1969] 2 MLJ 89 (diikut)
E *Tunde Apatira & Ors v PP* [2001] 1 MLJ 259 (dirujuk)
Wong Swee Chin v PP [1981] MLJ 212 (diikut)

Legislation referred to

Akta Mahkamah Kehakiman 1964 s 60(1)
F Akta Pencegah Rasuah 1961 ss 3(a)(ii), 4(a), 13, 14
Kanun Acara Jenayah ss 173(e), (f), 422
Akta Kanun Acara Jenayah (Pindaan) 1997 (Akta A979)

Bob S Arumugam (Tetuan Bob S Arumugam & Co) bagi pihak perayu.
G *Roshan a/l Karthi Kayan (Timbalan Pendakwa Raya) bagi pihak responden.*

Mohamed Apandi Ali H:

SEJARAH PERJALANAN KES

H **[1]** Sebelum saya menulis alasan penghakiman, adalah dirasakan wajar untuk diamati sejarah perjalanan perbicaraan ini yang berliku-liku, agar dapat dikesan apa-apa kelemahan pentadbiran yang menyebabkan kes ini yang bermula pada tahun 1996 hanya dapat diputuskan pada tahun 2001 dan seterusnya hanya dapat diputuskan di peringkat rayuan pada tahun 2004. Perjalanan
I perbicaraan di peringkat mahkamah sesyen hingga diputuskan di peringkat rayuan melibatkan seorang kakitangan kerajaan. la tidak seharusnya berlanjutan sedemikian rupa.

[2] Secara ringkas kronologi perjalanan kes ini adalah seperti berikut. Perayu telah pertama kali dihadapkan ke mahkamah sesyen pada 9 Ogos 1996 dan selepas beberapa penangguhan, kes telah bermula dengan panggilan saksi pada 20 Mac 1997. Dengan diselang oleh beberapa penangguhan kes dibicarakan separuh dengar dengan panggilan seramai 4 orang saksi pendakwa pada 25Julai 1997. Dan apabila tiba masa untuk kes disambung bicara pada 15Disember 1997, hakim bicara telah bertukar. Kedua-dua pihak telah memohon supaya kes disambung bicara oleh hakim bicara yang sama, dan seperti amalan biasa, mahkamah telah arahkan pihak-pihak memohon kebenaran daripada Pejabat Ketua Pendaftar.

[3] Selepas beberapa penangguhan, pada 4 Jun 1998, arahan telah diperolehi supaya kes didengar secara perbicaraan semula (*de novo*). Pada 30–31 Julai 1998, kes telah dibicarakan secara '*de novo*', di mana lima orang saksi pendakwa telah dipanggil. Malangnya apabila kes ditetapkan untuk sambung bicara pada 17 Disember 1998, perbicaraan terpaksa ditangguhkan kerana, seperti masalah terdahulu, hakim bicara telah bertukar. Peguambela pohon untuk kes dibicarakan secara '*de novo*', tetapi pihak pendakwaan pohon diteruskan perbicaraan dengan hakim bicara yang baru. Arahan daripada Pejabat Ketua Pendaftar sekali lagi perlu diperolehi. Dalam sepanjang tahun 1999 kes ditangguhkan beberapa kali atas pelbagai sebab, tetapi yang khusus ialah untuk menunggu arahan Pejabat Ketua Pendaftar.

[4] Pada awal tahun 2000, hakim bicara yang terdahulu ditukarkan kembali ke mahkamah sesyen yang sama dan dengan itu kes selepas beberapa penangguhan, telah disambung bicara di hadapan hakim yang sama pada 16November 2000. Kes ini seterusnya berjalan sehinggalah ianya diputuskan dan berakhir di mahkamah sesyen pada 26 Oktober 2001. Hakim bicara mahkamah sesyen telah menyiapkan alasan penghakiman pada 3 April 2002. Rekod rayuan telah disiapkan pada 1 Ogos 2003, dan disebut pertama kali diMahkamah Tinggi pada 13 Oktober 2003. Selepas penangguhan atas permintaan peguam, kes rayuan telah didengar pada 13 Julai 2004 dan disambung bicara pada 14 September 2004 dan di mana keputusan rayuan diberi pada 26Oktober 2004.

[5] Dari apa yang berlaku mengenai liku perjalanan kes ini, maka dapat di rumuskan bahawa kelewatan pendengaran dan pelupusan kes ini berpunca daripada dua kelemahan pentadbiran, iaitu:

(1) Kelewatan untuk mendapatkan arahan sama ada kes harus didengar secara '*de novo*' atau tidak, apabila hakim bicara terlibat dalam pertukaran; dan

(2) Kelewatan untuk menyediakan rekod rayuan, yang mana dalam kes ini, ia hanya melibatkan keterangan sebelas orang saksi pada keseluruhan perbicaraan.

RAYUAN

[6] Ini adalah rayuan oleh perayu terhadap sabitan dan hukuman di atas kesalahan-kesalahan di bawah s 3(a)(ii) dan s 4(a) Akta Pencegah Rasuah 1961.

[7] Dalam rayuan ini juga ada rayuan silang (cross-appeal) oleh Pendakwa Raya terhadap hukuman, iaitu di atas kegagalan hakim bicara untuk mengenakan penalti di bawah s 13 Akta Pencegah Rasuah 1961. Peguambela perayu yang terpelajar pada awal perbicaraan rayuan, telah menyatakan bahawa tertakluk kepada keputusan rayuan utama terhadap sabitan beliau bersedia untuk mengakui tentang kekhilafan hakim bicara yang gagal untuk mempertimbangkan dan mengenakan penalti di bawah s 13 Akta Pencegah Rasuah 1961.

[8] Justeru itu, dengan persetujuan semua pihak, Mahkamah telah menumpukan kepada hujahan-hujahan yang berkait dengan rayuan terhadap sabitan sahaja.

[9] Perayu telah disabitkan di atas dua pertuduhan, yang mana pertuduhan-pertuduhan itu adalah seperti berikut:

(1) Pertuduhan pertama:

> Bahawa kamu pada 31 Januari 1996 lebih kurang jam 11.30 pg di Stesen Penguatkuasaan Paloh Hinai, di dalam Daerah Pekan, di dalam Negeri Pahang, sebagai seorang agen Kerajaan Malaysia, iaitu Pembantu Penguatkuasa Jabatan Pengangkutan Jalan, bertugas di Stesen Penguatkuasa Paloh Hinai, secara rasuah telah memujuk rayu bagi diri kamu satu suapan wang tunai berjumlah RM500 sebagai bayaran pada setiap bulan daripada Bakri bin Ismail sebagai satu dorongan supaya tidak melakukan sesuatu perbuatan yang kena mengena dengan hal-ehwal prinsipal kamu iaitu tidak mengganggu atau disaman ke atas Bakri bin Ismail semasa melalui Jalan Kuantan — Muadzam dan dengan itu kamu telah melakukan kesalahan berhukuman di bawah s 3(a)(ii) Akta Pencegah Rasuah 1961 (Undang-undang Malaysia No 57).

(2) Pertuduhan kedua:

> Bahawa kamu pada 6 Februari 1996, lebih kurang jam 11.10 pagi di stesen Penguatkuasaan Paloh Hinai, di dalam Daerah Pekan, di dalam Negeri Pahang, sebagai seorang agen Kerajaan Malaysia, iaitu Pembantu Penguatkuasaan Paloh Hinai, secara rasuah menerima bagi diri kamu satu suapan wang tunai berjumlah RM500.00 sebagai bayaran bulanan bagi bulan Februari 1996 daripada Bakri bin Ismail sebagai satu dorongan supaya tidak melakukan sesuatu perbuatan berhubung dengan hal-ehwal prinsipal kamu iaitu tidak mengambil tindakan ke atas pengadu semasa melalui Jalan Kuantan — Muadzam dan dengan itu kamu telah melakukan kesalahan berhukuman di bawah s 4(a) Akta Pencegah Rasuah 1961 (Undang-Undang Malaysia No 57).

[10] Pada asasnya perayu telah dituduh kerana meminta (soliciting) dan menerima suapan (receiving gratification). Ini adalah satu kes perangkap, dimana wang bertanda yang berjumlah RM500 (yang dikemukakan sebagai

eks P6 telah diserah kepada perayu oleh pengadu (SP5) pada masa dan tempat yang telah dijanjikan. Transaksi perangkap serta kejadian yang berlaku sejurus selepas perlaksanaan perangkap tersebut telah disaksikan oleh pegawai-pegawai Badan Pencegah Rasuah, khususnya oleh SP6, SP7, SP8 dan SP9.

[11] Selain daripada keterangan lisan, pihak pendakwa juga telah mengemukakan beberapa keterangan dokumentari, seperti berikut:

(1) Buku Perkhidmatan (eks P2)
(2) Buku Wang Saku (eks P3)
(3) Laporan Polis oleh pengadu (eks P4)
(4) Senarai Wang bertanda (eks P5)
(5) Wang Tunai RM500.00 (eks P6)
(6) Pita rakaman (eks P7)
(7) Gambar tempat perangkap (eks P8A-F)
(8) Transkripsi pita rakaman (eks P9)
(9) Senarai Pembongkaran (eks P10)

[12] Peguambela yang terpelajar bagi pihak perayu telah mengutarakan pelbagai hujahan bagi tujuan rayuan, tetapi hujahan yang paling diberi tumpuan ialah kepada perkara asas, iaitu hakim bicara yang bijaksana telah silap kerana telah tersalah arah (misdirection) dalam dua isu iaitu:

(1) Tentang beban bukti (burden of proof); dan

(2) Gagal untuk membuat dapatan di atas keterangan pematahan anggapan di bawah s 14 Akta Pencegah Rasuah 1961.

[13] Saya telah meneliti dan memberi pertimbangan di atas kesemua alasan dan hujahan Peguambela yang terpelajar dan dengan desakannya telah memberi tumpuan kepada dua isu mengenai salaharah.

Beban Bukti

[14] Jika dirujuk kepada pertuduhan-pertuduhan yang dihadapi oleh perayu, seperti yang terdapat di ms 10 dan 11 Rekod Rayuan, adalah didapati kesalahan-kesalahan tersebut berlaku pada 31 Januari 1996 dan 6 Februari 1996. Dengan melihat kepada tarikh-tarikh kesalahan, adalah jelas bahawa beban bukti yang selaras dan terpakai ialah beban sebelum pindaan kepada s 173(f) Kanun Acara Jenayah, yang mana peruntukan tersebut telah dipinda melalui Akta Kanun Acara Jenayah (Pindaan) 1997 (Akta A979), yang berkuatkuasa mulai 31 Januari 1997. Justeru itu beban bukti yang relevan dan terpakai ialah beban bukti yang keraguan munasabah (beyond reasonable doubt) iaitu beban bukti yang berlandaskan kepada kes *Arulpragasan*.

[15] Peguambela terpelajar bagi perayu telah berhujah bahawa Hakim bicara yang bijaksana telah silap mengenai beban bukti kerana telah mencampur-

aduk dua beban bukti, iaitu beban *prima facie* dan beban melampaui keraguan munasabah. Hujahan ini adalah berasaskan kepada ayat yang digunakan oleh Hakim bicara, dalam Alasan Penghakimannya (di ms 147 Rekod Rayuan) yang berbunyi: 'saya mendapati pihak pendakwa telah berjaya mengemukakan satu kes *prima facie* melampaui keraguan munasabah terhadap kedua-dua pertuduhan. Oleh itu OKT dipanggil untuk membela diri ke atas kedua-dua tuduhan.' Untuk menyokong hujahannya Peguambela yang terpelajar telah memetik kes *PP v Ishak Hj Shaari & other Appeals* [2003] 4 MLJ 585, dan kes *PP v Ku Yahya Ku Bahari & Anor* [2002] 1 CLJ 113.

[16] Pada hemat saya, adalah menjadi suatu spekulasi untuk cuba meninjau apa yang berada dalam pemikiran atau minda Hakim bicara mengenai beban bukti yang digunapakai, kecuali pertimbangan diberi kepada apa yang dizahirkan dalam nota prosiding dan alasan penghakiman.

[17] Apabila diteliti nota prosiding, khususnya di ms 95 Rekod Rayuan, iaitu suatu nota keputusan yang dibaca oleh Hakim bicara pada tarikh keputusan di akhir kes Pendakwaan, iaitu pada 15 Mac 2001, yang antara lainnya berbunyi:

> Pihak pendakwa telah mengemukakan 9 saksi di dalam kes ini. Standard pembuktian oleh pihak pendakwa adalah melampaui keraguan yang munasabah seperti yang diputuskan di dalam *Arulpragasan a/l Sandaraju v PP* [1997] 1 MLJ 1. Dari aspek ini Mahkamah mempunyai tanggungjawab untuk menilai secara maksima keterangan-keterangan yang dikemukakan oleh saksi-saksi pendakwa di akhir kes Pendakwaan. Pendakwaan perlu membuktikan:
>
> (1) OKT seorang ejen kerajaan
>
> (2) Telah memujuk rayu pengadu untuk suatu wang suapan berjumlah RM500
>
> (3) Telah secara rasuah menerima wang suapan berjumlah RM500

dan di ms 104 Rekod Rayuan dalam perenggan terakhir semasa membaca keputusan di akhir kes Pendakwaan, Hakim bicara yang bijaksana telah menulis:

> Mahkamah setelah menilai keterangan-keterangan yang ada memutuskan bahawa pihak pendakwa di akhir kes Pendakwaan telah berjaya membuktikan standard pembuktiannya iaitu melampaui keraguan yang munasabah. Oleh itu OKT dipanggil untuk membela diri bagi tuduhan pertama dan kedua dengan tiga pilihan cara membela diri yang akan diterangkan.

[18] Adalah didapati perkataan berkaitan dengan beban bukti yang digunakan oleh Hakim bicara yang bijaksana dalam mukadimah serta penutup keputusan bertulis yang dibaca di akhir Pendakwaan, adalah 'melampaui keraguan yang munasabah'.

[19] Dan setelah pihak perayu memberi keterangan dan di akhir perbicaraan, pada tarikh untuk penghujahan, iaitu pada 28 September 2001, pihak pendakwa telah berhujah di akhir hujahan, seperti yang tercatit dalam nota prosiding, dims 128 Rekod Rayuan, seperti berikut:

OKT gagal untuk timbul sebarang keraguan munasabah. Pendakwa telah berjaya buktikan kes BRD terhadap kedua-dua tuduhan. Saya merayu pada mahkamah supaya mensabitkan kesalahan OKT atas dua-dua tuduhan.

[20] Adalah didapati juga di muka surat yang sama rekod rayuan, pihak peguambela perayu telah tidak menjawab hujahan pihak pendakwa. Pada tarikh keputusan, di akhir perbicaraan, iaitu pada 26 Oktober 2001, Hakim bicara yang bijaksana telah menyatakan di perenggan akhir keputusan bertulisnya (yang dapat dilihat di ms 133 rekod rayuan) seperti berikut:

Pembelaan, OKT gagal menimbulkan keraguan yang munasabah ke atas kes Pendakwaan mahupun menolak anggapan yang beliau menerima RM500.00 wang rasuah daripada SP5. Pendakwa telah berjaya bukti kesnya tanpa keraguan menolak. Oleh itu OKT disabitkan kesalahan bagi tuduhan I & II di bawah s 3(a)(ii) dan s4(a) APR 1961.

[21] Daripada catatan nota prosiding perbicaraan, mahupun pada peringkat di akhir pendakwaan ataupun di akhir perbicaraan kes, adalah dinyatakan bahawa beban bukti yang relevan dan yang digunapakai dalam kes ini adalah beban melampaui keraguan munasabah. Apa yang terpahat dalam minda Hakim bicara yang bijaksana mengenai beban bukti telah dicerminkan melalui keputusan-keputusan bertulis yang dibacakan pada tarikh-tarikh keputusan tersebut diberi.

[22] Dengan itu saya berpuas hati bahawa beban bukti yang digunapakai adalah suatu beban bukti yang betul di masa itu. Dengan itu tidak ada sebab untuk mempersoalkan arahan diri yang dibuat oleh Hakim bicara yang bijaksana.

Keterangan Pematahan di bawah s 14

[23] Sehubungan dengan hujahan tersalah arah, peguambela yang terpelajar bagi pihak perayu telah berhujah bahawa hakim bicara yang bijaksana telah gagal untuk membuat dapatan fakta di atas, keterangan yang diberikan oleh pihak perayu, di bawah s 14 Akta Pencegah Rasuah 1961. Dihujahkan juga hakim bicara yang bijaksana telah gagal untuk menyatakan beban bukti bagi tujuan mematahkan anggapan di bawah s 14 tersebut.

[24] Dalam isu ini, hakim bicara yang bijaksana, pada tarikh keputusan diakhir perbicaraan ada mencatatkan bahawa perayu telah gagal menolak anggapan yang perayu telah terima wang rasuah RM500 daripada SP5 (rujuk semula ms 133 rekod rayuan). Di dalam alasan penghakiman pula, khususnya di ms 149, hakim bicara yang bijaksana telah sekadar merujuk kepada peruntukan s 14 Akta Pencegah Rasuah 1961 dan keperluan untuk dipatahkan oleh perayu dalam pembelaannya. Hakim bicara yang bijaksana juga, selepas membuat rujukan tersebut telah menilai serta memberi penjelasan kenapa beliau tidak boleh menerima keterangan perayu. Beliau menguji keterangan perayu dengan keterangan yang dikemukakan oleh pihak Pendakwaan. Tetapi malang sekali, hakim bicara yang bijaksana telah tidak memberi sebarang bayangan tentang

apakah beban bukti yang perlu digunapakai bagi tujuan untuk mematahkan anggapan di bawah s 14 Akta Pencegah Rasuah 1961.

[25] Beban bukti yang betul yang sepatutnya digunapakai bagi tujuan mematah anggapan di bawah s 14 Akta Pencegah Rasuah 1961, adalah 'di atas keimbangan kebarangkalian" (on a balance of probabilities) seperti yang diputuskan dalam kes klasik mengenai isu ini, iaitu kes *PP v Yuvaraj* [1969] 2 MLJ 89.

[26] Oleh kerana beban bukti seperti yang dikehendaki oleh undang-undang tidak disebut oleh hakim bicara yang bijaksana, manfaat di atas kegagalan tersebut perlulah diberi kepada pihak perayu. Dengan itu adalah didapati hakim bicara yang bijaksana telah tersalah arah sewaktu menimbang keterangan untuk mematahkan anggapan di bawah s 14 Akta Pencegah Rasuah 1961.

ISU LAIN OLEH PERAYU:

[27] Peguambela yang terpelajar bagi pihak perayu telah juga berhujah, antara lain mengenai isu-isu lain untuk pertimbangan rayuan, khususnya mengenai:

(1) Penerimaan barang bukti, seperti rakaman pita dan transkripsi rakaman; dan

(2) Perbicaraan yang tidak adil kerana peguambela tidak diberi peluang untuk soal-balas.

[28] Oleh kerana hujahan mengenai perkara di atas dibuat secara sepintas lalu sahaja oleh Peguambela yang terpelajar, maka mahkamah telah memberi pertimbangan secara keseluruhan mengikut apa yang terdapat di dalam rekod rayuan.

[29] Dalam kes ini saksi utama pihak pendakwa ialah SP5, iaitu pengadu. Barang kes seperti laporan polis, wang perangkap dan pita rakaman telah dikemukakan melalui saksi SP5. Adalah didapati selepas SP5 memberi keterangan yang begitu panjang lebar, termasuk keterangan mengenai permintaan oleh perayu serta mengenai transaksi pemberian wang kepada perayu, peguambela perayu (pada ketika itu) telah hanya bertanya dua soalan yang tidak begitu relavan kepada pembelaan, semasa diberi peluang untuk menyoal balas saksi SP5 (lihat ms 67 rekod rayuan). Dan semasa SP5 dipanggil semula untuk mengecam suara dalam pita rakaman, saksi tersebut langsung tidak disoal balas (lihat ms74 rekod rayuan).

[30] Begitu juga dengan keterangan saksi-saksi lain pihak pendakwa, khususnya pegawai-pegawai Badan Pencegah Rasuah, iaitu SP6, SP7, SP8 dan SP9, peguambela perayu (pada ketika itu) telah tidak menyoal balas mereka dengan serius, sehingga boleh dirumuskan bahawa keterangan-keterangan mereka telah tidak tercabar.

[31] Persoalan yang ditimbulkan ialah adakah kegagalan untuk menyoal balas saksi pendakwa telah mewujudkan suatu perbicaraan yang tidak adil

sehingga menyebabkan kegagalan keadilan? Pada hemat saya ianya tidak semestinya begitu. s 173(e) Kanun Acara Jenayah menyatakan: 'The accused shall be allowed to cross examine all the witnesses for the prosecution.' Perayu, di peringkat perbicaraan di Mahkamah Sesyen, telah diwakili oleh peguambela. Kegagalan peguambela untuk menyoal saksi pendakwaan adalah suatu pilihan (on election) yang dibuat oleh peguambela. Tambahan pula adalah nyata, seperti yang diputuskan dalam kes *Abang Abdul Rahman v Public Prosecutor* [1982] 1 MLJ 346, bahawa apabila seseorang saksi itu tidak disoalbalas, maka keterangannya perlu diterima. Mahkamah Persekutuan dalam kes *Wong Swee Chin v Public Prosecutor* [1981] MLJ 212 telah menetapkan bahawa pernyataan undang-undang yang betul apabila pembelaan gagal untuk menyoal-balas saksi-saksi Pendakwaan, hanya melibatkan kebolehpercayaan keterangan mereka sahaja.

KEPUTUSAN BERKAIT SABITAN:

[32] Setelah meneliti nota keterangan, nota prosiding di dalam rekod rayuan serta memberi pertimbangan kepada hujahan-hujahan oleh semua pihak, adalah didapati hakim bicara yang bijaksana telah tidak silap dalam arahdiri berhubung dengan beban bukti pihak pembelaan berkait pematahan anggapan di bawah s 14 Akta Pencegah Rasuah 1961.

[33] Setelah membuat dapatan di atas, persoalan pokok yang perlu diputuskan pula, ialah sama ada kegagalan hakim bicara itu telah menimbulkan kegagalan keadilan (failure of justice). Takrif kegagalan keadilan (failure of justice) telah dibincangkan dengan panjang lebar dalam kes *Kiew Foo Mui & Ors v Public Prosecutor* [1995] 3 MLJ 505. Nas undang-undang tersebut telah dirujuk oleh Peguambela terpelajar pihak perayu untuk pertimbangan mahkamah. Kes tersebut menyentuh peruntukan istilah 'failure of justice' di bawah s 422 Kanun Acara Jenayah, dan antara lain telah memutuskan seperti berikut:

> The expression 'failure of justice' is, therefore, synonymous with the expression 'miscarriage of justice'.
>
> In our view, therefore, the effect of the breaches of their respective duties imposed by law on the prosecution, the defence and the learned judge, to which we have referred, was to sever on important artery of evidence from the consideration of the assessors, so far as the defence were concerned, thereby occasioning a failure of justice within the meaning of s 422 of the Criminal Procedure Code and the authorities to which we have referred and, on this ground alone, the convictions were unsustainable.

[34] Dalam kes yang tersebut di atas Mahkamah Persekutuan telah mengetepikan sabitan dan hukuman terhadap perayu-perayu dan telah mengarahkan satu perbicaraan semula diadakan di hadapan hakim lain dengan assessor-assessor yang lain.

[35] Sayugia dinyatakan di sini, bahawa kes *Kiew Foo Mui & Ors* itu boleh dibezakan dengan kes ini, kerana ia merupakan suatu perbicaraan bersama

assessor-assessor dan apa-apa salaharah yang wujud sudah pastinya melibatkan pandangan dan dapatan pihak assessor-assessor yang menjadi hakim fakta. Dalam kes ini hakim fakta adalah hakim bicara seorang sahaja.

[36] Dalam kontek ini saya berpendapat perlu ada keseimbangan di antara suatu keputusan yang betul (correct decision) dengan suatu keputusan yang adil (fair decision). Penafian perbicaraan yang adil adalah suatu penafian keadilan (a denial of fail trial is denial of justice). Suatu perbicaraan yang adil adalah sama pentingnya dengan suatu keputusan yang betul. Setiap satu daripadanya tidak boleh dikorbankan. Kedua-duanya, iaitu sifat adil dan betul, adalah saling berpaut, antara satu sama lain.

[37] Dalam kes rayuan ini, berdasarkan kepada segala keterangan yang telah dikemukakan, adalah didapati hakim bicara telah membuat satu keputusan yang betul. Cuma ada satu kesilapan yang wujud, iaitu ketiadaan perkataan yang boleh menggambarkan beban bukti 'di atas keimbangan kebarangkalian' semasa menilai keterangan pembelaan bagi tujuan mematahkan anggapan dibawah s 14 Akta Pencegah Rasuah 1961. Persoalan utama dalam perkara ini, ialah adakah kesilapan atau kegagalan untuk menyebut tahap pembuktian itu merupakan suatu 'irregularity' atau suatu 'illegality', dan sama ada kesilapan tersebut boleh diubati oleh s 422 Kanun Acara Jenayah.

[38] Dalam kes *Tunde Apatira & Ors v PP* [2001] 1 MLJ 259, Mahkamah Persekutuan, dengan kuorum yang penuh, telah memutuskan bahawa kes tertentu di mana keterangan adalah jelas dan nyata, sesuatu mahkamah rayuan boleh mengesahkan sabitan walaupun terdapat kesilapan salaharah. Mahkamah Persekutuan dalam kes yang sama juga telah menetapkan bahawa istilah 'miscarriage oj justice' yang terdapat dalam proviso kepada s 60(1) Akta Mahkamah Kehakiman 1964 tidak mempunyai perbezaan material dengan istilah 'failure of justice" yang terdapat dalam s 422 Kanun Acara Jenayah. Dengan itu hakim Mahkamah Tinggi boleh mengguna pakai peruntukan s422 Kanun Acara Jenayah, bagi tujuan tersebut. Pengesahan kedudukan sedemikian telah juga diputuskan oleh Mahkamah Rayuan dalam kes *Lokman bin Abu v PP* [2001] 1 MLJ 311. Malahan persamaan istilah 'miscarriage of justice' dengan 'failure of justice' telah lama diputuskan oleh Mahkamah Agung dalam kes *Lorensus Tukan v PP* [1988] 1 MLJ 251.

[39] Oleh kerana ada cukup keterangan yang boleh mensabitkan perayu diatas kedua-dua pertuduhan, adalah didapati di dalam kes rayuan ini, apa-apa kesilapan salah arah, boleh diperbaiki melalui peruntukan s 422 Kanun Acara Jenayah. Ini ada sejajar dan berpandukan kepada kes *PP v Ishak bin Hj Shaari & other appeals* [2003] 4 MLJ 585, di ms 600–601, yang memutuskan seperti berikut:

> Whatever it is what remains to be considered is whether these is sufficient evidence to support the conviction in a particular case and if there is, that would be a good ground for holding that there is no miscarriage or failure of justice. The same consideration applies to the misdirection at the end of the case. Therefore,

we conclude that the misdirection on the standard of proof in a trial which has been conducted in substantial compliance with the CPC is curable under s 422 of the CPC provided that there is sufficient evidence to support the conviction, as the error has not occasioned a failure of justice.'

[40] Dengan itu adalah diputuskan tiada sebab yang munasabah untuk mengubah keputusan hakim bicara yang bijaksana, berkait sabitan perayu diatas kedua-dua pertuduhan. Keterangan yang ada, iaitu keterangan terus dan persekitaran serta keterangan sokongan adalah lebih daripada mencukupi, terhadap perayu. Dengan itu rayuan oleh perayu terhadap sabitan ditolak.

RAYUAN BERKAIT HUKUMAN:

[41] Rayuan silang terhadap hukuman dikemukakan oleh pihak pendakwaan, yang dikhususkan terhadap kegagalan hakim bicara untuk mengambil kira peruntukan penalti di bawah s 13 Akta Pencegah Rasuah 1961.

[42] Seksyen 13 Akta Pencegah Rasuah 1961 memperuntukkan seperti berikut:

Where a court convicts any person of an offence committed by the acceptance of any gratification in contravention of any provision of this Act, then, if that gratification is a sum of money or if the value of that gratification can be assessed, the court shall, in addition to imposing on that person any other punishment, order him to pay as a penalty, within the time and to the body and in the manner specified in the order, a sum which is equal to the amount of that gratification or is, in the opinion of the court, the value of that gratification, and any such penalty shall be recoverable as a fine.

[43] Daripada ayat yang berbunyi '... the court shall, in addition to imposing on that person any other punishment order him to pay as a penalty...', sudah tentunya perlu disifatkan sebagai suatu hukuman tambahan yang mandatori.

[44] Peguambela yang terpelajar bagi pihak perayu tidak mempertikaikan kegagalan hakim bicara untuk mengenakan hukuman penalti tersebut. Dan oleh kerana tiada rayuan lain selain daripada isu penalti, maka dengan itu rayuan silang oleh pihak pendakwa dibenarkan. Oleh itu, adalah diputuskan hukuman-hukuman yang telah dijatuhkan oleh hakim bicara ke atas perayu dikekalkan dan ditambah dengan penalti sebanyak wang rasuah yang terlibat, iaitu berjumlah RM500 dan penalti tersebut hendaklah dibayar oleh perayu kepada Badan Pencegah Rasuah dalam masa dua minggu dari tarikh keputusan dan jika tidak dibayar akan dikenakan penjara selama dua minggu. Perintah mengenai penalti tersebut adalah mengikut terma-terma yang dinyatakan dibawah s 13 Akta Pencegah Rasuah 1961, seperti yang disebut di atas.

Rayuan ditolak.

Dilaporkan oleh Loo Lai Mee